



Prof Mohd Fauzi (dua dari kiri) ceria menunjukkan jersi 1MCC yang tertera namanya sambil disaksikan Prof Mohammad Shatar (kiri), Vivienne dan Chan selesai majlis menandatangani LOI di Serdang, Selangor, baru-baru ini.

UPM, 1MCC jalin kerjasama sukan

Serdang: Universiti Putra Malaysia (UPM) mengukuhkan sumbangan bagi pembangunan bakat remaja dalam sukan bola sepak menerusi kerjasama dengan 1Malaysia Connecting Communities (1MCC) Sports Sdn Bhd.

Komitmen dibuktikan menerusi upacara menandatangani surat hasrat (LOI) di sini, baru-baru ini bagi menjalin kerjasama dalam aspek kemudahan, kejurulatihan dan pembangunan sukan.

Rakan perundingan

UPM diwakili Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, manakala 1MCC diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datin Vivienne Leong, dengan disaksikan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pela-

jar dan Alumni) UPM, Prof Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran serta Pengerusi 1MCC, Datuk Chan Tien Ghee.

Prof Mohd Fauzi berkata, melalui kerjasama bagi tempoh 10 tahun itu, 1MCC akan menjadikan UPM sebagai rakan perundingan pusat pembangunan program bola sepak dan gelanggang kejohanan.

"1MCC akan membantu UPM dalam aspek kemudahan, penganjuran sukan, seminar, program, manfaat mobiliti pelajar dan staf UPM ke United Kingdom dan pengalaman penganjuran kejohanan, manakala 1MCC berpeluang menggunakan kemudahan padang bola sepak Kolej 10 UPM serta membangunkan bola sepak melalui pertandingan Liga 1MCC," katanya.